- Sijil Tempasal Berkeutamaan Elektronik atau *Electronic Preferential Certificate of Origin* (ePCO)
- *ASEAN Single Window* (ASW)




- ePermit
- ePermitSTA
- *Core Banking System (CBS)*
- *MyExport*
- *Invest Malaysia*
- *Implementation Tracking & Monitoring System (ITMS)*
- *i-Services*
- *i-Manufacturing*
- *NMIM Customer Management System (CMS)*

LMV *As-Is* adalah berdasarkan kepada data-data di bawah PIKAS dan CIMS. Dalam membangunkan LMV *To-Be*, skop telah diperluaskan kepada 13 aplikasi yang berkaitan *manufacturing value chain* dari domain *Business, Data, Application* dan *Technology*.

LMV *As-Is* melibatkan lima (5) perkhidmatan teras merangkumi pemberian dana, pelesenan, pensijilan, aduan dan fasilitasi. Manakala, LMV *To-Be* telah dirangkumkan kepada dua (2) perkhidmatan teras iaitu kawal selia dan fasilitasi (perbandingan pada *stakeholder*, aplikasi, data, teknologi). Rajah *architecture LMV As-Is Manufacturing Value Chain* adalah seperti di Rajah 6 dan rajah *architecture LMV To-Be Manufacturing Value Chain* adalah seperti di Rajah 7.



Rajah 6: Landscape Map View As-Is Manufacturing Value Chain



Rajah 7: Landscape Map View To-Be Manufacturing Value Chain

### 3.1.3 **BUSINESS PROCESS VIEW TO-BE**

BPV *To-Be Manufacturing Value Chain* dibangunkan bagi menerangkan hubungan perubahan struktur proses kerja peringkat tertinggi sedia ada bagi *manufacturing value chain* dengan komposisi sub-prosesnya (persekitarannya) seperti data dan penyedia perkhidmatan yang bertanggungjawab melaksanakannya. Pembangunan rajah *architecture* BPV *To-Be manufacturing value chain* ini dibangunkan dengan melibatkan dokumen berikut:


i. **Rajah *architecture* LMV To-Be**

Keterangan mengenai LMV ini boleh dirujuk pada perenggan 3.1.2 di atas.


ii. **Templat BPV *To-Be Manufacturing Value Chain* MITI**

Templat ini disediakan bertujuan untuk merekod maklumat proses kerja *manufacturing value chain* MITI secara teratur dan terperinci bagi memastikan tiada proses kerja yang tertinggal di samping memudahkan aktiviti melakar rajah *architecture* BPV. Maklumat yang dikumpulkan dalam templat ini merangkumi maklumat dan penerangan berkaitan pemegang taruh, medium, perkhidmatan teras, proses kerja peringkat tertinggi, maklumat yang diperlukan dan dihasilkan serta agensi dalam dan luar negara yang membekalkan maklumat bagi setiap proses utama yang dinyatakan.


Secara umum, *manufacturing value chain* MITI mempunyai dua (2) perkhidmatan teras yang melibatkan tujuh (7) proses kerja peringkat tertinggi. Oleh itu, sebanyak satu (1) rajah *architecture* BPV *To-Be manufacturing value chain* telah dihasilkan dalam pembangunan *architecture* EA MITI sebagai sokongan kepada *manufacturing value chain* seperti di Rajah 8 hingga 14.




Rajah 8: Business Map View To-Be Manufacturing Value Chain (Perlesenan)



Rajah 9: *Business Map View To-Be Manufacturing Value Chain (Dana)*




Rajah 10: Business Map View To-Be Manufacturing Value Chain (Pensijilan)




Rajah 11: Business Map View To-Be Manufacturing Value Chain (Pengauditan)






Rajah 12: Business Map View To-Be Manufacturing Value Chain (Endorsmen)



Rajah 13: Business Map View To-Be Manufacturing Value Chain (Aduan)



Rajah 14: Business Map View To-Be Manufacturing Value Chain (Khidmat)

BVP *To-Be* adalah hasil daripada penilaian MV *Manufacturing Value Chain* yang merangkumkan lima (5) perkhidmatan teras kepada dua (2) perkhidmatan teras. Pada asalnya perkhidmatan teras MITI terdiri daripada perlesenan, pemberian dana, fasilitasi, pensijilan dan aduan. Namun, bagi BVP *To-Be*, teras ini diringkaskan kepada kawal selia dan fasilitasi.

Pemerhatian yang dibuat oleh MITI mendapati bahawa terdapat beberapa maklumat yang boleh dikongsi bersama antara bahagian dan agensi kerana fungsi tugas mereka yang serupa tetapi dilaksanakan untuk skop bidang yang berlainan.

#### i. **Kawal Selia**

- Pelesenan

Semua proses di bawah Kawal Selia hendaklah sekurang-kurangnya berdaftar atau memohon dengan pihak MITI atau agensi di bawah MITI. Permohonan lesen seperti Lesen Pengilang (ML) yang dikeluarkan oleh MIDA mewajibkan syarikat mempunyai modal berbayar minimum RM2.5 juta atau mempunyai sekurang-kurangnya 75 pekerja tetap untuk berdaftar dengan MIDA sebelum ML dikeluarkan kepada syarikat. Syarikat hendaklah memajukan laporan kepada MIDA secara berkala untuk memastikan syarikat mendapat kemudahan yang ditawarkan oleh MIDA.

- Pemberian Dana

Beberapa agensi di bawah MITI menawarkan dana atau geran untuk pembiayaan perniagaan. Secara amnya, mana-mana syarikat yang ingin memohon bantuan dana, perlulah membuat pendaftaran dengan agensi yang berkaitan. Kelulusan dana akan diberikan kepada syarikat yang layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Pemberian dana atau geran kebiasaannya diberi berdasarkan proses *pitching* yang dijalankan iaitu syarikat sendiri

akan membentangkan kertas cadangan mereka untuk projek yang bakal dilaksanakan di hadapan jawatankuasa penilai. Sekiranya permohonan dan pembentangan mereka meyakinkan, maka syarikat akan diluluskan pemberian dana.

- Pensijilan

MITI atau agensi turut mengeluarkan sijil tertentu untuk syarikat memohon kemudahan tertentu. Sebagai contoh Sijil Perakuan Perintis oleh MIDA memberikan kelebihan syarikat untuk memohon pengecualian cukai sebanyak 70% hingga 100% pendapatan berkanun selama 5 hingga 10 tahun. Selain itu, MITI juga mengeluarkan ePCO. Sijil ini yang dikeluarkan secara dalam talian membolehkan peniaga menikmati kadar pengurangan tarif berdasarkan keistimewaan yang telah ditetapkan antara Malaysia dan negara-negara dagang lain di bawah Perjanjian Dagangan Bebas (*Free Trade Agreement - FTA*) seperti di bawah Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (*ASEAN Trade in Goods Agreement - ATIGA*), *Malaysia-Turkey FTA (MTFTA)* dan Perjanjian Kerjasama Ekonomi Menyeluruh Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership - RCEP*). Memandangkan sijil-sijil ini perlu digunakan untuk tujuan export, maka wakil/ejen syarikat perlu membuat deklarasi kepada pihak KASTAM. MITI juga mengeluarkan ePermit bagi kenderaan import dan ePermitSTA bagi barangan strategik. Syarikat-syarikat yang menggunakan perkhidmatan ini perlu membuat laporan secara berkala untuk permit yang telah digunakan kepada KASTAM/MITI.

- Pendaftaran/Pengauditan

Syarikat-syarikat yang ingin mendapatkan kemudahan untuk memohon sijil atau permit perlulah berdaftar dengan MITI atau agensi terlebih dahulu. Maklumat pendaftaran secara amnya melibatkan borang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), maklumat jenis perniagaan, jenis produk dan sebagainya.

Pengauditan dilakukan oleh pihak MITI secara berkala untuk memastikan syarikat-syarikat mematuhi peraturan yang berkuatkuasa.

- Endorsmen

MITI juga mengeluarkan surat endorsmen yang membantu syarikat untuk mendapatkan keistimewaan tertentu. Syarikat-syarikat perlulah berdaftar dengan MITI terlebih dahulu sebelum memohon sesuatu keistimewaan. Kebiasaannya, permohonan syarikat akan dibawa ke Jawatankuasa Penilaian untuk menyemak dan menilai sama ada syarikat yang memohon layak untuk mendapat keistimewaan tersebut.

ii. **Fasilitasi**

- Aduan

Lazimnya, sekiranya MITI menerima sebarang aduan akibat ketidakpatuhan kepada peraturan, pihak MITI akan membuat siasatan terlebih dahulu untuk memastikan aduan yang diterima adalah sah. Sekiranya wujud kes, siasatan lanjut akan dilakukan dengan melibatkan agensi lain yang berkaitan.

- Perkhidmatan

Sebagai Barisan Hadapan ekonomi, MITI sentiasa berusaha untuk memastikan kepentingan syarikat atau pemain industri Malaysia terus dipelihara. Pelbagai bentuk kemudahan atau perkhidmatan diberikan kepada syarikat bagi membantu mereka mengembangkan perniagaan. Bentuk fasilitasi atau kemudahan yang diberikan oleh MITI wujud dalam pelbagai bentuk dan kaedah seperti nasihat, runding cara, libat urus, menyalurkan rayuan kepada Mahkamah Timbangtara dan sebagainya. Sebarang tindakan penyelesaian yang diambil daripada aktiviti ini direkodkan dan disalurkan kepada pengurusan atasan untuk makluman.

### 3.1.3.1 MEMAHAMI EA MITI SEBAGAI SOKONGAN KEPADA *MANUFACTURING VALUE CHAIN*

#### a) Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

<b>1. Supply of inputs</b>	<b>Investment -Local -Foreign</b>	<b>Human Resource / Labour</b>	<b>Utilities</b>				
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Promotion of investment</i></li> <li>• <i>Publication – industry brief</i></li> <li>• <i>Guide for doing business : Labour, Utilities Provider, Industrial Estate i-Incentive</i></li> <li>• <i>Directory of Companies – i-Services</i></li> <li>• <i>Directory of companies – i-Manufacturing</i></li> </ul>	KSM JIM	Utilities provider				

<b>Core Value Chain</b>	<b>2. Starting a Business</b>	<b>3. Resources / Raw Material</b>	<b>4. Logistics</b>	<b>5. Production</b>	<b>6. Distribution / Export</b>	<b>7. Marketing, Sales &amp; Services</b>	<b>9. Close a Business</b>
Agency Involve	MIDA , SSM, PBT			Expansion & Diversification Projects (for companies in operation)			Application to Surrender ML Surrender Incentive
Application	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Application for new project/ operation</li> <li>• Manufacturing licence</li> <li>• Expatriate Post</li> <li>• Import Duty Exemption</li> <li>• Facilitation for Project Implementation Investment Compliance</li> </ul>	Import Duty Exemption		Application for new project/ operation: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Manufacturing licence</li> <li>• Expatriate Post</li> <li>• Import Duty Exemption</li> <li>• Facilitation for Project Implementation</li> <li>• Investment Compliance</li> </ul>			
<b>8. Supporting Services</b>	<b>Reporting and Analysis</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• MIDA Annual Report, Investment Performance Report</li> <li>• Investment Statistics: Quarterly Data – Primary Sector, Manufacturing &amp; Services Sector</li> <li>• Directory of companies, i-Services</li> <li>• Directory of companies i-Manufacturing</li> <li>• Invest Malaysia: <a href="https://investmalaysia.mida.gov.my/">https://investmalaysia.mida.gov.my/</a> (for registered companies &amp; MIDA)</li> </ul>		<b>Business Ecosystem</b>				



	<ul style="list-style-type: none"><li>• ITMS <a href="https://pacu2u.mida.gov.my/">https://pacu2u.mida.gov.my/</a> (For registered approved companies with Manufacturing Licence &amp; MIDA)</li><li>• <a href="http://i-manufacturing.mida.gov.my">http://i-manufacturing.mida.gov.my</a> (For Ministries &amp; Agencies)</li></ul>	
		<b>Industry Development</b>

## b) Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)

1. Supply of inputs	Investment -Local -Foreign	Human Resource / Labour	Utilities				
Core Value Chain	2. Starting a Business	3. Resources / Raw Material	4. Logistics	5. Production	6. Distribution / Export	7. Marketing, Sales & Services	9. Close a Business
Agency Involve Application						<p><b>#Pemberian Dana</b> - MDG, SEF, eTrade, Empower Trade Association</p> <p><b>Data</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama syarikat/persatuan</li> <li>• Nilai Dana</li> <li>• Produk/pasaran</li> </ul> <p><b>#Program Promosi Eksport</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pameran perdagangan</li> <li>- Misi Akselerasi Eksport</li> <li>- Misi Pelaburan dan Perdagangan</li> <li>- Padanan perniagaan</li> </ul> <p><b>Data</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Produk/pasaran</li> <li>• Nilai jualan</li> </ul>	

<b>8. Supporting Services</b>	<b>Reporting and Analysis</b>		<p><b>Business Ecosystem</b></p> <p><b>#Informasi Eksport</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- MyExport</li> <li>- MATRADE Portal</li> <li>- E-magazine</li> <li>- <i>Malaysia Export Registry</i> (MER)</li> </ul> <p><b>Data</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengimport luar negara</li> <li>• Pengeksport Malaysia</li> <li>• <i>Product Market Study</i></li> <li>• <i>Market Alert</i></li> <li>• <i>Tender Notifications</i></li> <li>• <i>Trade Statistics</i></li> <li>• Status permohonan penyertaan program dan geran</li> </ul>
			<p><b>#Pembangunan Pengeksport</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Seminar/webinar</li> <li>• <i>Customized programme</i></li> <li>• <i>Export Readiness Assessment Tools</i> (ERAT)</li> <li>• Data</li> <li>• Profil syarikat</li> <li>• Syarikat yang bersedia untuk mengeksport</li> </ul>
			<p><b>Industry Development</b></p>

c) **Majlis Pengukuran Kebangsaan (MPK/NMIM)**

1. Supply of Inputs	Investment -Local -Foreign	Human Resource / Labour	Utilities				
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Calibration &amp; Measurement Capabilities (CMC)</i> <i>Link to NMIM Calibration and Measurement Capabilities:</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <i>Local</i> <i>[<a href="http://www.jsm.gov.my/cab-directories">http://www.jsm.gov.my/cab-directories</a> (enter 261 in the SAMM column)]</i></li> <li>- <i>Wide range of Chemical Calibration and Testing Capabilities for Gas Detectors, Breath Analyzers,</i></li> <li>-<i>Elemental Analysis (XRF), Structure Elucidation, Purity Analysis/ Assessment, Moisture analysis and Organic analysis]</i></li> <li>▪ <i>International</i> <i>[<a href="https://kcdb.bipm.org/appendixC/">https://kcdb.bipm.org/appendixC/</a> (enter Malaysia in the keywords column)]</i></li> </ul> </li> </ul>						
<b>Core Value Chain</b>	<b>2. Starting a business</b>	<b>3. Resources / Raw Material</b>	<b>4. Logistics</b>	<b>5. Production</b>	<b>6. Distribution / Export</b>	<b>7. Marketing, Sales &amp; Services</b>	<b>9. Close a Business</b>
Agency Involve							
Application							

<p><b>8. Supporting Services</b></p>	<p><b>Reporting and Analysis</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• CMS-NMIM products &amp; services</li> <li>• Database of Pattern Approval-list of measuring instrument used for trade and legal purposes [<a href="https://nmim.gov.my/images/nmim/pdf/patterns/LIST_OF_PATTERN_APPROVED_INSTRUMENTS_2022_Jan_-_April_22.pdf">https://nmim.gov.my/images/nmim/pdf/patterns/LIST_OF_PATTERN_APPROVED_INSTRUMENTS_2022_Jan_-_April_22.pdf</a>]</li> </ul>		<p><b>Business Ecosystem</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Metrology training courses [<a href="https://nmim.gov.my/images/nmim/pdf/training/NMIM_Metrology_Training_Course_2022.pdf">https://nmim.gov.my/images/nmim/pdf/training/NMIM_Metrology_Training_Course_2022.pdf</a>]</li> </ul>
			<p><b>Industry Development</b></p>

## d) Bahagian Dasar Pelaburan dan Fasilitasi (BDPFP), MITI

1. Supply of inputs	Investment -Local -Foreign	Human Resource / Labour	Utilities				
<b>Core Value Chain</b>	<b>2. Starting a business</b>	<b>3. Resources / Raw Material</b>	<b>4. Logistics</b>	<b>5. Production</b>	<b>6. Distribution / Export</b>	<b>7. Marketing, Sales &amp; Services</b>	<b>9. Close a Business</b>
Agency Involve	<ul style="list-style-type: none"> <li>• BDPFP (MITI)</li> <li>• MIDA</li> <li>• MIDF</li> <li>• SME Corp</li> </ul>						
Application							
<b>8. Supporting Services</b>	<b>Reporting and Analysis</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Advisory Role</li> </ul>		<b>Business Ecosystem</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• MIDF (CIC)</li> <li>• MIDA (InvestMalaysia)</li> <li>• SMECorp (SSIs)</li> </ul>				
			<b>Industry Development</b>				

## e) Sokongan Kerjasama Perdagangan dan Industri (SKPI), MITI

1. Supply of inputs	Investment -Local -Foreign	Human Resource / Labour	Utilities				
Core Value Chain	2. Starting a business	3. Resources / Raw Material	4. Logistics	5. Production	6. Distribution / Export	7. Marketing, Sales & Services	9. Close a Business
Agency Involve	<ul style="list-style-type: none"> <li>• SKPI (MITI)</li> </ul>				<ul style="list-style-type: none"> <li>• MATRADE</li> <li>• SIRIM</li> <li>• JSM</li> <li>• SKP (MITI)</li> <li>• EXIM Bank</li> </ul>		
Application					<ul style="list-style-type: none"> <li>• ePCO</li> <li>• Core Banking System</li> </ul>		
8. Supporting Services	Reporting and Analysis		<b>Business Ecosystem</b>				
			<b>Industry Development</b>				

## f) Sekretariat Perdagangan Strategik (STS), MITI


1. Supply of Inputs	Investment -Local -Foreign	Human Resource / Labour	Utilities				
Core Value Chain	2. Starting a business	3. Resources / Raw Material	4. Logistics	5. Production	6. Distribution / Export	7. Marketing, Sales & Services	9. Close a Business
Agency Involve	<ul style="list-style-type: none"> <li>• STS (MITI)</li> <li>• AELB</li> <li>• PSP (KKM)</li> <li>• MCMC</li> </ul>				<ul style="list-style-type: none"> <li>• ePermitSTA</li> </ul>		
Application							
8. Supporting Services	<b>Reporting and Analysis</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• DNEX</li> </ul>		<b>Business Ecosystem</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• NSW</li> <li>• Sistem Maklumat Kastam (SMK)</li> </ul>				
			<b>Industry Development</b>				



### 3.1.4 CONCEPTUAL DATA MODEL

Pembangunan EA MITI sebagai sokongan kepada *manufacturing value chain* turut melihat keperluan standard data perdagangan dan industri yang mana MITI merupakan agensi peneraju Kumpulan Kerja Perdagangan dan Industri di bawah inisiatif Kerajaan Berpacukan Data.

Struktur data di MITI adalah menggunakan piawaian yang ditetapkan oleh DDSA oleh MAMPU dan *The Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 version 1.0* oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Rajah 15 berikut menunjukkan aliran data yang digunakan dan dijana sepanjang *manufacturing value chain*.



Rajah 15: Rajah Hubungan Entiti bagi *Manufacturing Value Chain*

### 3.1.5 APPLICATION USAGE VIEW

Pembangunan rajah *architecture* AUV adalah bertujuan bagi menerangkan aplikasi yang terlibat dan digunakan oleh MITI untuk menyokong perkhidmatan MVC. AUV dilakarkan dengan merujuk kepada *architecture* BPV MITI *To-Be* dan dokumen Analisa Jurang ICT yang dihasilkan semasa aktiviti pembangunan PSP MITI 2021-2025 (sila rujuk Lampiran 1 Analisa Jurang ICT Aplikasi dan Data). Dokumen Analisa Jurang ICT Aplikasi dan Data telah melibatkan penilaian sebanyak 34 aplikasi yang digunakan di MITI. Walau bagaimana pun, hanya lapan (8) aplikasi daripada PSP MITI telah dipilih bagi skop *manufacturing value chain*. Tujuh (7) aplikasi agensi telah turut dimasukkan ke dalam skop projek menjadi jumlah keseluruhan sebanyak 15 aplikasi seperti Jadual 3.


Bil.	Aplikasi	Pemilik Aplikasi
1.	Sistem e-ABTC	Hubungan Serantau dan Antarabangsa
2.	Sistem PIKAS	BPI
3.	Sistem CIMS	
4.	Sistem Pengurusan Remedi Perdagangan (Aduan)	SPI
5.	ePCO	
6.	ASW	BDPFP
7.	ePermit	SPI
8.	ePermitSTA	STS
9.	CBS	EXIM Bank
10.	<i>MyExport</i>	MATRADE
11.	<i>Invest Malaysia</i>	MIDA
12.	ITMS	
13.	<i>i-Services</i>	
14.	<i>i-Manufacturing</i>	
15.	NMIM CMS	MPK

**Jadual 3: Penglibatan Pemilik Program**

Penjelasan rajah AUV dan rajah AUV yang dibangunkan perlu mengambil kira keperluan berikut berdasarkan Analisa Jurang ICT Aplikasi dan Data PSP MITI:

- i. Integrasi dengan sistem di Jabatan Pendaftaran Negara bagi keperluan Identiti Digital Nasional.
- ii. Mewujudkan sebuah platform perkongsian maklumat bersepadu secara terbuka di antara kementerian, agensi dan industri bagi meningkatkan daya saing Malaysia dalam pelaburan, perdagangan dan industri.
- iii. *One Stop Centre Information on Industry* melalui *dashboard* dan analitik *Big Data* termasuk perkongsian data (contoh: FTA, STA, dan ML serta perkongsian dokumen endorsemn secara dalam talian).
- iv. Menyediakan kemudahan untuk penyimpanan data-data penyelidikan secara berpusat dan *online*. Ini memerlukan integrasi dengan portal/platform maklumat penyelidikan berpusat di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.
- v. Perlu ditunjukkan juga integrasi dengan aplikasi agensi-agensi di bawah MITI berdasarkan input yang diperoleh semasa bengkel *To-Be* bersama agensi.


Rajah 16 menunjukkan *Application Usage View To-Be Manufacturing Value Chain*.



Rajah 16: Application Usage View To-Be Manufacturing Value Chain

### 3.1.6 **TECHNOLOGY USAGE VIEW**

Rajah *architecture* TUV dibangunkan bagi menerangkan infrastruktur teknikal yang digunakan untuk *hosting* aplikasi dan data bagi menyokong bisnes proses *manufacturing value chain*. Dokumen yang dirujuk untuk melakarkan TUV adalah dokumen yang sama dirujuk semasa pembangunan AUV iaitu *architecture BPV To-Be manufacturing value chain*. Rajah 17 menunjukkan lakaran *Technology Usage View To-Be Manufacturing Value Chain*.



**Rajah 17: Technology Usage View To-Be Manufacturing Value Chain**

Perkhidmatan infrastruktur MITI dibangunkan untuk menyokong empat (4) jenis aplikasi MITI iaitu Aplikasi Industri, Aplikasi Pelaburan, Aplikasi Perdagangan dan Aplikasi Sokongan. Perkhidmatan infrastruktur MITI terdiri daripada 13 perkhidmatan iaitu Khidmat Pangkalan Data, Khidmat *Web Hosting*, Khidmat *Virtual Server*, Khidmat Keselamatan dan Kawalan Capaian, Khidmat Perisian Aplikasi, Khidmat *Disaster Recovery Centre* (DRC), Khidmat *Backup*, Khidmat Storan, Khidmat Rangkaian, Khidmat Pengkomputeran Awan, Khidmat Pusat Data, Khidmat Meja Bantuan ICT dan Khidmat Perkakasan.

Khidmat Pangkalan Data menawarkan Fungsi Pangkalan Data yang terdiri Sistem Pengurusan Pangkalan Data iaitu *Informix*, *MySQL* dan *Postgres*. Khidmat Pangkalan Data adalah seperti di Rajah 18.

Khidmat *Web Hosting* menawarkan Fungsi *Web Servis/Hosting* yang terdiri daripada Web Server *Internet Information Services* (IIS), *Apache*, *NGINX* dan *LiteSpeed*. Khidmat *Web Hosting* adalah seperti di Rajah 19.

Khidmat *Virtual Server* menawarkan Fungsi *Virtual Server* yang terdiri daripada Sistem Pengoperasian *Linux*, *Microsoft Windows* dan *VMware*. Khidmat *Virtual Server* adalah seperti di Rajah 20.

Khidmat Keselamatan dan Kawalan Capaian menawarkan Fungsi Keselamatan dan Kawalan Capaian yang terdiri daripada Sistem Pengurusan Capaian (ID) dan Keselamatan iaitu *Endpoint Detection and Response* (EDR), *Extended Detection and Response* (XDR), *Antivirus* (AV), *Identity Management* (IDM) dan *Active Directory* (AD). Khidmat Keselamatan dan Kawalan Capaian adalah seperti di Rajah 21.

Khidmat Perisian Aplikasi menawarkan Fungsi Perisian Aplikasi yang terdiri daripada Sistem Perisian Aplikasi iaitu *Java* dan *PHP*. Khidmat Perisian Aplikasi adalah seperti di Rajah 22.

Khidmat DRC menawarkan Fungsi DRC yang terdiri daripada Sistem DRC, *Netback-up Replication*, *MySQL Replication* dan *Really Simple Syndication* (RSS). Khidmat DRC adalah seperti di Rajah 23.

Khidmat *Backup* menawarkan Fungsi *Backup* yang terdiri daripada Sistem *Backup Disk-to-Disk*, *Disk-to-Tape* dan *Mirroring*. Khidmat *Backup* adalah seperti di Rajah 24.

Khidmat Storan menawarkan Fungsi Storan yang terdiri daripada Sistem Storan *Storage Area Network* (SAN). Khidmat Storan adalah seperti di Rajah 25.

Khidmat Rangkaian menawarkan Fungsi Capaian Rangkaian yang terdiri daripada Sistem Rangkaian dan Keselamatan Rangkaian iaitu *Firewall*, *Intrusion Prevention System* (IPS), *load balancer*, *Security Information and Event Management* (SIEM), *Software-Defined Network* (SDN) dan *content filtering*. Khidmat Rangkaian adalah seperti di Rajah 26.

Khidmat Pengkomputeran Awan menawarkan Fungsi *Web Servis/Hosting*, *Virtual Server*, *Backup* dan *Storan*. Khidmat Pengkomputeran Awan adalah seperti di Rajah 27.

Khidmat Pusat Data menawarkan Fungsi Pusat Data yang terdiri daripada Sistem Pemantauan Pusat Data iaitu pemanas (*heat*), *Precision Air Conditioning* (PAC), *fire suppression*, *air*, *closed-circuit television* (CCTV), *smoke monitoring* dan *Uninterrupted Power Supply* (UPS) . Khidmat Pusat Data adalah seperti di Rajah 28.


Khidmat Meja Bantuan ICT menawarkan Fungsi Sokongan Meja Bantuan ICT yang terdiri daripada *Problem Reporting System*. Khidmat Meja Bantuan ICT adalah seperti di Rajah 29.




Khidmat Perkakasan menawarkan Fungsi Penyampaian Perkhidmatan yang terdiri daripada perkakasan kaunter dan *back office*. Khidmat Perkakasan adalah seperti di Rajah 30.

Pelan *to-be* bagi domain teknologi MITI yang dirancang bagi tahun 2022 hingga 2025 adalah seperti berikut:


- i. Perkhidmatan Sewa Guna Peralatan ICT MITI menggunakan teknologi terkini bagi tempoh tiga (3) tahun;
- ii. Menaiktaraf dan penggantian peralatan dan perisian rangkaian Menara MITI;
- iii. Menaiktaraf dan penggantian peralatan dan perisian rangkaian Pejabat MITI Wilayah;
- iv. Menaiktaraf keupayaan capaian internet dan penggantian peralatan di semua Pejabat MITI luar negara;
- v. Menaiktaraf peralatan dan perisian DRC di Pusat Data Sektor Awam;
- vi. Menaiktaraf peralatan dan perisian Pusat Data MITI;
- vii. Hosting aplikasi-aplikasi baharu menggunakan kemudahan MyGovCloud@PDSA;
- viii. Mewujudkan storan awan MITI; dan
- ix. Menaiktaraf dan pertukaran peralatan teknologi dan perisian keselamatan ICT digital MITI.




**Rajah 18: Technology Usage View To-Be Manufacturing Value Chain – Khidmat Pangkalan Data MITI**




**Rajah 19: Technology Usage View To-Be Manufacturing Value Chain – Khidmat Web Servis/Hosting MITI**




Rajah 20: *Technology Usage View To-Be Manufacturing Value Chain – Khidmat Virtual Server MITI*



**Rajah 21: Technology Usage View To-Be Manufacturing Value Chain – Khidmat Keselamatan dan Kawalan Capaian MITI**




**Rajah 22: Technology Usage View To-Be Manufacturing Value Chain – Khidmat Perisian Aplikasi MITI**




Rajah 23: Technology Usage View To-Be Manufacturing Value Chain – Khidmat DRC

MITI




**Rajah 24: Technology Usage View To-Be Manufacturing Value Chain – Khidmat Backup MITI**







**Rajah 25: Technology Usage View To-Be Manufacturing Value Chain – Khidmat Pusat Data MITI**




**Rajah 26: Technology Usage View To-Be Manufacturing Value Chain – Khidmat Rangkaian MITI**




**Rajah 27: Technology Usage View To-Be Manufacturing Value Chain – Khidmat Pengkomputeran Awan MITI**



**Rajah 28: Technology Usage View To-Be Manufacturing Value Chain – Khidmat Pusat Data MITI**



**Rajah 29: Technology Usage View To-Be Manufacturing Value Chain – Khidmat Sokongan Meja Bantuan ICT MITI**



**Rajah 30: Technology Usage View To-Be Manufacturing Value Chain – Khidmat Perkakasan MITI**

### 3.1.7 PELAN MIGRASI

Jadual 4 menunjukkan aktiviti pembaharuan *To-Be* berdasarkan BPV, AUV dan TUV yang dihasilkan.

Bil. Item	Aktiviti	Domain	Tempoh Masa	Pelaksana Program	Kebergantungan
B1	Rekayasa perkhidmatan teras MITI dari lima (5) perkhidmatan teras kepada dua (2) perkhidmatan teras	Bisnes	4 tahun (2022-2025)	BPI	Tiada
D1	Pengukuhan Inisiatif Data Terbuka antara MITI dan Agensi berkaitan pelaburan, perdagangan dan industri	Data	1 tahun (2023)	BPI, BDPFP, BETR, BPS, BPM	Tiada
D2	Pengukuhan Inisiatif Perkongsian Maklumat antara MITI dan Agensi berkaitan pelaburan, perdagangan dan industri	Data	1 tahun (2023)	BPI, BDPFP, BETR, BPS, BPM	Tiada
D3	Antaramuka dengan SMK	Data	2 tahun (2023-2024)	STS, BDPFP, SPI, BPM	Tiada
A1	Pembangunan Sistem Pengurusan Remedi Perdagangan	Aplikasi	3 tahun (2023-2025)	Seksyen Amalan Perdagangan	Tiada
A2	Menambahbaik sistem PIKAS sedia ada bagi tujuan penyediaan pemberian dos penggalak ( <i>booster</i> ) PIKAS	Aplikasi	3 tahun (2022-2025)	BPI	Tiada
A3	Pembangunan Sistem <i>Helpdesk</i> ePCO, ASW dan STS (CO, AP, Permit STA)	Aplikasi	4 tahun (2022-2025)	BIEA, SKPI, SKEI, STS	Tiada

A4	Pemantapan dan peluasan Portal dan Laman Web MITI	Aplikasi	3 tahun (2023-2025)	UKS, BPM	Tiada
A5	Penjenamaan semula kepada CIMS	Aplikasi	1 tahun (2023)	BPI	Tiada
A6	Pembangunan semula Sistem Permohonan Surat Sokongan e-ABTC	Aplikasi	1 tahun (2022)	Hubungan Serantau dan Antarabangsa	Tiada
A7	Penyepaduan NSW dengan ASW	Aplikasi	2 tahun (2023-2024)	BDPFP	Tiada
T1	Perkhidmatan Sewa Guna Peralatan ICT MITI menggunakan teknologi terkini bagi tempoh tiga (3) tahun	Teknologi	3 tahun (Mac 2024-Feb 2027)	BPM	Tiada
T2	Menaiktaraf dan penggantian peralatan dan perisian rangkaian Menara MITI	Teknologi	5 tahun (2021-2025)	BPM	Tiada
T3	Menaiktaraf dan penggantian peralatan dan perisian rangkaian Pejabat MITI Wilayah	Teknologi	5 tahun (2021-2025)	BPM	Tiada
T4	Menaiktaraf keupayaan capaian internet dan penggantian peralatan di semua Pejabat MITI luar negara	Teknologi	4 tahun (2022-2025)	BPM	Tiada
T5	Menaiktaraf peralatan dan perisian DRC di PDSA	Teknologi	1 tahun (2022)	BPM	Tiada
T6	Menaiktaraf peralatan dan perisian Pusat Data MITI	Teknologi	2 tahun (2022-2023)	BPM	Tiada
T7	<i>Hosting</i> aplikasi-aplikasi baharu menggunakan kemudahan MyGovCloud @PDSA	Teknologi	4 tahun (2022-2025)	BPM	Tiada



T8	Mewujudkan storan awan MITI	Teknologi	3 tahun (2023-2025)	BPM	Tiada
T9	Menaiktaraf dan pertukaran peralatan teknologi dan perisian keselamatan ICT digital MITI	Teknologi	4 tahun (2022-2025)	BPM	Tiada

**Jadual 4: Pelan Migrasi MITI**

## 4.0 PENUTUP

### 4.1 ISU DAN CABARAN DALAM PEMBANGUNAN *ENTERPRISE ARCHITECTURE* MITI SEBAGAI SOKONGAN KEPADA *MANUFACTURING VALUE CHAIN*

Sepanjang tempoh pelaksanaan pembangunan EA MITI sebagai sokongan kepada *manufacturing value chain*, Kementerian ini tidak terkecuali daripada menghadapi cabaran dan rintangan dalam menyelesaikan projek ini dengan sempurna. Isu dan cabaran yang dihadapi ini telah membantu mematangkan MITI untuk melangkah lebih jauh dan merancang strategi yang lebih efektif dan efisien dalam pelaksanaan projek akan datang. Senarai isu dan cabaran yang dikenalpasti semasa pelaksanaan pembangunan EA MITI sebagai sokongan kepada *manufacturing value chain* adalah seperti berikut:

#### 4.1.1 Maklumat Terperingkat

Maklumat yang ingin dikongsi kadang-kala bersifat sensitif, dikelaskan sebagai peringkat Terhad dan Sulit dan sesetengahnya memerlukan bayaran fi tertakluk kepada Akta / Peraturan yang berkuatkuasa. Selain itu, terdapat juga maklumat umum yang tidak dapat dikongsi kerana masih di peringkat *embargo* seperti data pelaburan, import, eksport dan sebagainya. Oleh yang demikian, perkongsian data agak sukar dilakukan dan memerlukan beberapa lapisan proses sebelum data yang sebenar dapat dikongsi antara bahagian dan agensi MITI atau pemain industri lain memandangkan semua data yang dikendalikan tertakluk di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Dasar Keselamatan ICT (DKICT) MAMPU.

#### 4.1.2 Memorandum Persefahaman Perkongsian Data

Terdapat data-data sensitif yang dibekalkan oleh agensi luar yang boleh diakses oleh MITI. Namun, data ini memerlukan Perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) antara pembekal dan pengguna. Dalam hal ini timbul isu *red-tape* dalam urusan pengendalian data memandangkan data

yang ingin diperolehi dikendalikan oleh penjawat awam dan akan digunakan oleh agensi awam lain. Untuk membolehkan data dikongsi bersama pihak awam lain, pembekal maklumat akan meminta pengguna menandatangani MoU terlebih dahulu atau melanggan maklumat dengan bayaran fi tertentu.

#### **4.1.3 Kurang Kefahaman dalam Perkhidmatan Teras MITI**

Terdapat warga MITI masih tidak memahami dan mengetahui tugas atau sistem lain yang turut digunakan dalam operasi harian. Pengeluaran permit atau sijil di MITI seperti ePCO dan ePermitSTA adalah menggunakan platform NSW yang disediakan oleh Dagang Net. Namun, jenis data yang dikumpul tidak difahami sepenuhnya kerana sesetengah data dikumpul di bawah keperluan akta dan perjanjian yang berlainan tetapi menggunakan platform yang sama. Oleh yang demikian, MV bagi *manufacturing value chain* kurang mendapat perhatian memandangkan perkara yang dihasratkan tidak difahami sepenuhnya oleh warga MITI sendiri.

#### **4.1.4 Kurang Pengetahuan mengenai *Enterprise Architecture***

Pengetahuan berkaitan EA perkhidmatan dan keperluan pengurusan data masih rendah menyebabkan cadangan penyelesaian *To-Be* kurang memberi impak dari aspek penjimatan kos operasi atau pengurangan tempoh masa perkhidmatan. Pengurusan MITI memerlukan lebih masa dan contoh yang berjaya sebagai bukti untuk yakin dengan kemampuan EA untuk menyelesaikan masalah dari segi pengumpulan dan perkongsian maklumat daripada satu pihak kepada pihak yang lain.

#### **4.1.5 Kewangan**

Sumber kewangan yang mencukupi adalah penting dalam memastikan semua perancangan dalam pembangunan EA MITI dapat disempurnakan. Konsolidasi sistem sedia ada atau pembangunan sistem

baharu memerlukan kos yang tinggi. Sekiranya sistem aplikasi yang ingin dibangunkan agak kompleks, maka perkara ini akan menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan sesuatu projek.

## 4.2 FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL

Isu dan cabaran yang dihadapi dalam pembangunan EA MITI sebagai sokongan kepada *manufacturing value chain* perlu ditangani dengan strategik dan holistik untuk memastikan proses pelaksanaan projek berjalan dengan lancar dan berkesan. Oleh itu, faktor kejayaan kritikal berikut telah dikenalpasti bagi mengatasi isu dan cabaran yang dihadapi:

### People

- Meningkatkan kesedaran serta pembudayaan ICT melalui pelbagai program.
- Mengadakan sesi perkongsian ilmu di kalangan pegawai dan kakitangan.
- Menganjurkan sesi latihan yang bersesuaian kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat di dalam pelaksanaan EA.
- Membuat perancangan teliti dalam pelantikan ahli pasukan projek.
- Memastikan kesediaan sumber tenaga kerja mencukupi sebelum projek dilaksanakan.

### Process

- Mengadakan sesi libat urus yang lebih produktif bersama bahagian dan agensi MITI untuk mendapatkan maklumat berkaitan proses *manufacturing value chain*.
- Mewujudkan dan mengintegrasikan pangkalan data secara berpusat.
- Menggalakkan perkongsian maklumat secara digital.
- Menambah baik Piagam Pelanggan agar lebih jelas.
- Mendigitalisasi dan mengautomasi proses kerja.

### Technology

- Membangunkan sistem dalam talian.
- Mengukuhkan aspek keselamatan siber dan data.
- Mendapatkan peruntukan khas bagi pembangunan sistem.
- Menggunakan teknologi/sistem yang terkini.
- Mengintegrasikan data lama dan baharu dalam satu pangkalan data.

Semua ilmu dan pengalaman berharga yang diperolehi daripada projek pembangunan EA MITI sebagai sokongan kepada *manufacturing value chain* ini akan menjadi *lesson learned* dan dokumen ini boleh digunakan sebagai rujukan utama bagi pasukan projek lain di masa hadapan.